

Yen Yen usaha tarik pelabur Cina seluruh dunia

UM - 2 JUL 2003

PUTRAJAYA 1 Julai — Timbalan Menteri Kewangan yang bar-u, Datuk Dr. Ng Yen Yen akan berusaha menarik lebih ramai peniaga keturunan Cina dari seluruh dunia untuk melabur di negara ini dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan yang setaraf dengan Hong Kong.

Katanya, diaspora kaum Cina iaitu sebanyak 1.3 billion di negara China dan hampir 600 juta lagi di seluruh dunia membentuk satu kuasa ekonomi yang kuat kerana ramai daripada mereka merupakan golongan peniaga yang berjaya.

Menurut Yen Yen, beliau akan menggunakan pengalaman selama empat tahun sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menarik pelabur keturunan Cina.

“Dulu kerja membawa masuk pelancong, sekarang bawa masuk pelaburan, bawa masuk wang dan menjadikan Kuala Lumpur pusat kewangan yang setaraf dengan Hong Kong,” katanya di sini hari ini.

Yen Yen mengambil alih tem-

pat Datuk Chan Kong Choy yang dilantik menjadi Menteri Pengangkutan melalui rombakan kecil kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 24 Jun lepas.

Tambah beliau, hasrat untuk menjadikan ibu negara sebagai sebuah pusat kewangan bertaraf antarabangsa boleh dicapai kerana negara memiliki segala infrastruktur yang diperlukan ke arah itu.

Perkara yang perlu diberikan penekanan menurut beliau, ialah usaha bersungguh-sungguh dalam menarik pelabur Cina melabur di negara ini.

Dalam pada itu kata beliau, antara cabaran yang dilihatnya penting pada masa ini adalah untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat faedah daripada Pakej Strategi Baru yang dilancarkan kerajaan bar-u-bar-u ini.

“Saya mahu semua rakyat dapat tampil dan menikmati kesenangan yang ingin diwujudkan oleh kerajaan melalui pakej tersebut,” katanya.